

KONSEP AL-MASALIH AL-MURSALAH MENURUT PENGGUNAAN IMAM MALIK

Mohammad Zaini Bin Yahaya¹

Shofian Bin Ahmad²



ABSTRACT

This paper seeks to elucidate the uniqueness application of al-Masalih al-Mursalah by Imam Malik. Imam Malik or generally Maliki school belongs to cluster the Ahl al-Hadith but at the same time they often use al-Masalih al-Mursalah in ijtihad until they are known as school of al-masalih. Al-Masalih al-Mursalah is one of the principle in the Islamic Jurisprudence that based on al-Ra'y and al-'Aql. It certainly looks awkward for the tradition of Imam Malik who applied the strictest in adherence to hadith. Therefore, it poses a contradiction metode that interesting to be reviewed. This paper discusses this issue by referring to the concept of al-masalih al-mursalah and its application by Imam Malik. This discussion will also elaborate other principle in the Islamic Jurisprudence especially qiyas and Maqasid al-Shari'ah. This discussion is significant as it gives a real explanation about the concept of al-Masalih al-Mursalah and its importance in the contemporary ijtihad.

Keywords: Malik, ijtihad, maqasid, contemporary, jurisprudence.

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

² Profesor Madya, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengupas tentang keunikan Imam Malik dalam penggunaan *al-Masalih al-Mursalah*. Imam Malik atau secara umumnya Mazhab Maliki tergolong dalam kelompok *Ahl al-Hadith* tetapi pada masa yang sama mereka banyak menggunakan *al-masalih al-mursalah* dalam ijtihad sehingga dikenali sebagai mazhab *al-masalih*. *Al-Masalih al-Mursalah* adalah satu *masdar* hukum yang berpaksikan *al-Ra'y* atau *al-Qawl*. Ia pasti janggal dengan tradisi Imam Malik yang kuat berpegang kepada hadith. Justeru ia menimbulkan kontradiksi manajah pada pandangan latar yang menarik untuk dikaji. Kertas kerja ini akan mengupas isu ini dengan merujuk kepada konsep *al-masalih al-mursalah* dan aplikasinya oleh Imam Malik. Perbincangan juga akan menyentuh *masdar tashri'iyy* yang lain terutama *qiyas* dan konsep *al-Maqasid al-Shari'iyah*. Perbincangan ini penting untuk memberi penjelasan yang sebenar tentang konsep *al-Masalih al-Mursalah* dan kepentingannya dalam ijtihad semasa.

Kata kunci: Malik, ijtihad, maqasid, semasa, mazhab.

IMAM MALIK DAN *AL-MASALIH AL-MURSALAH*

Imam Malik ibn Anas al-Asbahiyy (wafat 179H) adalah seorang ulama yang terkenal dalam aliran *al-hadith*. Kemasyhurannya dalam aliran tersebut tidak terhakis walaupun beliau pernah mempelajari *fiqh al-ra'y* daripada Rabi'ah al-Ra'y (Muhammad Abu Zahrah 1964: 113). Hubungan beliau yang rapat dengan para ulama tabi'in telah memberi pengaruh yang besar kepadanya dalam aliran fiqhnya yang berpasak kepada *al-hadith* mengatasi metode *al-ra'y* yang berkembang subur ketika itu. Malah beliau telah dianggap sebagai antara pelopor aliran *al-Hadith* di saat aliran itu muncul dengan ciri-ciri khusus yang menjadi titik perbezaan dengan aliran *al-ra'y* ('Abd al-Majid Mahmud 1979: 135).

Pada masa yang sama Imam Malik banyak menggunakan *al-masalih al-mursalah* sebagai sumber hukum. Kecenderungannya ini telah mempengaruhi para pendokong mazhab Maliki sehingga boleh kita katakan bahawa mazhab Maliki akhirnya muncul sebagai '*madhhab al-masalih*'. Dewasa ini rujukan kepada *al-masalih al-*

mursalah memang banyak tertumpu kepada mazhab Maliki melebihi mazhab-mazhab yang lain.

Malah Imam al-Haramayn al-Juwayniyy telah menyifatkan Imam Maliki agak keterlaluan dalam penggunaan *al-masalih al-mursalah* sehingga dikatakan mensabitkan maslahah-maslahah yang jauh dan tidak dikenali di dalam Syarak hingga ke tahap membenarkan membunuh sepertiga manusia demi menyelamat dua pertiga manusia yang lain (al-Juwayniyy 1399H: 2, 1133).

Namun ulama mazhab Maliki menolak dakwaan ini dengan tegas. Ibn al-‘Arabiyy (1992: 3, 932) mengatakan dakwaan oleh ulama-ulama Hanafi dan Shafie Khurasani tiada kaitan dengan Malik. Al-Qarafiyy (1995M/1416H: 9, 4092) dengan jelas menyatakan: “Ulama Mazhab Maliki menolak dengan keras nukilan Imam al-Haramayn yang menyatakan Imam Malik mengharuskan membunuh sepertiga umat Islam untuk mengekalkan dua pertiga daripada mereka. Hal ini tiada dalam kitab-kitab mereka (ulama mazhab Maliki) sebaliknya hanya ada dalam kitab mereka yang bercanggah pandangan dengan mazhab Maliki. Mereka menukilnya tanpa bukti”.

Al-Zarkashiy (1413H: 6, 76) yang merupakan seorang ulama mazhab Syafie juga menyebut antara ulama lain yang menolak dakwaan ini ialah Abu al-‘Izz al-Muqtarih dalam kitab Hashiyah terhadap al-Burhan, Ibn Shash al-Malikiyy dan Abu ‘Abd Allah al-Qurtubiyy.

Walaupun konsep *al-masalih al-mursalah* pada Imam Malik tidak sebegitu mutlak sebagaimana yang didakwa Imam al-Haramayn, namun beliau tetap terkehadapan dalam penggunaannya sebagai sumber ijtihadnya. *Al-Masalih al-mursalah* menjadi sumber dominan dalam perkara-perkara yang tiada nas tentangnya dalam mazhab Maliki. Persoalannya, Mazhab Maliki atau secara khususnya Imam Malik yang terkenal sebagai tokoh aliran al-hadith menjadikan *al-masalih al-mursalah* sebagai sumber hukum, sedangkan *al-masalih al-mursalah* adalah tergolong dalam sumber yang berpandukan kepada *al-ra'y* atau akal pemikiran manusia. Penggunaan *al-masalih al-mursalah* sebagai sumber hukum dalam mazhab Maliki tidak perlu kepada kupasan lagi sebagaimana yang diterangkan sebelum ini. Apa yang perlu dikupas di sini ialah bentuk penggunaan *al-masalih al-mursalah* dalam mazhab Maliki khususnya jika berlaku pertentangan dengan *al-Sunnah*. Apakah pendirian Imam Malik dalam situasi ini? Untuk melihat persoalan ini dengan lebih dekat kertas kerja ini akan membincangkan terlebih dahulu berkenaan dengan *al-masalih al-mursalah* secara ringkas.

KONSEP *AL-MASALIH AL-MURSALAH*

Terdapat dua aliran dalam mentakrifkan *al-masalih al-mursalah*. Kedua-dua aliran ini berbeza kerana satu kumpulan menganggapnya termasuk dalam *al-wasf al-munasib al-mula'im* sementara satu kumpulan laginya tidak.

Secara umumnya (Muhammad Sa'id Shahatah 1999: 235) kumpulan pertama mentakrifkannya sebagai:

كل مصلحة داخلة في مقاصد الشرع دون أن يرد دليل معين منه
باعتبار أفرادها أو أنواعها أو إلغائها

“Setiap maslahah yang termasuk dalam maqasid al-Shar‘ tanpa ada dalil khusus yang mengiktiraf afrad atau anwa‘nya atau (dalil khusus) yang membantalkannya”.

Kumpulan yang kedua mentakrifkannya sebagai:

الوصف المناسب الملائم الذي يحصل عقلاً من ربط الحكم به وبنائه
عليه ما يصلح أن يكون مقصوداً للشارع من درء المفاسد عن الخلق
وجلب المصالح لهم دون أن يرد دليل خاص باعتبار أعيانها أو أنواعها
ولا باستبعادها

“Sifat yang munasabah dan bersesuaian yang berhasil secara akal daripada kaitan dan binaan hukum ke atasnya yang boleh menjadi maksud Syarak untuk menolak kemafsadatan daripada makhluk dan mendapatkan kemaslahatan untuk mereka tanpa ada dalil khusus yang mengiktiraf ain-ainnya atau naw‘-naw‘nya dan (tiada dalil khusus) yang menolaknya”.

Ungkapan ‘*dalil mu‘ayyan*’ dalam takrif pertama dan ‘*dalil khusus*’ dalam takrif kedua menunjukkan bahawa istilah ‘*mursalah*’ dalam *al-masalih al-mursalah* tidak bermaksud ia bebas daripada sebarang dalil yang mengiktirafnya. Sebaliknya perkataan *mursalah* digunakan di sini oleh para ulama ialah untuk membezakannya dengan *qiyas*. Rukun *qiyas* iaitu *al-asl* mempunyai dalil khusus sama ada *al-Quran* *al-Sunnah* atau *al-Ijma‘* yang mengandungi makna yang munasabah dalam *al-far‘* sehingga boleh diqiyaskan. Tetapi *al-masalih al-mursalah* tidak

mempunyai dalil yang khusus ini namun ia bersandarkan kepada dalil yang bersesuaian dengan maksud Syarak yang menyentuh *al-jins al-ba'id* seperti menjaga nyawa, akal, keturunan dan seumpamanya (al-Butiyy 1982: 217).

Dalam konteks *al-masalih al-mursalah*, *al-jins al-ba'id* ialah kaedah kulliyah yang diambil daripada *ma'qul* beberapa dalil khusus. Contohnya kaedah kulliyah ‘Mendahulukan kepentingan awam ke atas kepentingan individu’. Kaedah ini dihasilkan berdasarkan *ma'qul* beberapa dalil khusus iaitu:

Pertama:

عن عبادة بن صامت أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى أن لا
ضرر ولا ضرار
(al-'Ajluniyy 1988: 2/491)³

Kedua:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم أن يبيع حاضر لباد

Diriwayatkan daripada 'Abd Allah ibn 'Umar r.a. beliau berkata: Rasulullah s.a.w. melarang daripada penjualan orang kota (yang mengetahui harga pasaran) kepada orang desa (yang tidak mengetahui harga pasaran).

(al-'Asqallaniyy 2000: 4/468)

Ketiga:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لا تلقوا السلع حتى يهبط بها إلى السوق

Diriwayatkan daripada 'Abd Allah ibn 'Umar r.a. beliau berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Jangan mendatangi barang hingga ia sampai ke pasar.

(al-'Asqallaniyy 2000: 4/470)

³ Hadith ini diriwayatkan oleh Malik dan al-Shaficiyy daripada Yahya al-Maziniyy secara Mursal. Ia turut diriwayatkan oleh Ahmad daripada 'Abd al-Razzaq dan Ibn Majah dan al-Tabaraniyy daripada Ibn 'Abbas (al-'Ajluniyy 1988 2: 491).

Ketiga-tiga hadith ini tidak mempunyai kaitan yang secara langsung antara satu sama lain. Namun kajian secara *istiqra'* mendapati di sana terdapat titik persamaan yang agak jauh (*al-jins al-ba'id*) iaitu 'Mendahulukan kepentingan awam ke atas kepentingan individu'.

Berdasarkan *Kaedah Kulliyah* inilah terbinanya hukum *Tadmin al-Sanna'*. Mengikut asalnya dalam akad tempahan (*al-istisna'*) barang yang ditempah adalah amanah ke atas tukang. Jika barang tempahan tersebut itu rosak di tangan tukang bukan sebab kelalaian, tukang tidak boleh didakwa atau dituntut kerosakan tersebut berdasarkan kaedah '*yad al-sanna'* *yad al-amin*'. Namun apabila kejujuran dan sifat amanah manusia sudah luntur, hak penempah akan terancam jika tukang tetap dianggap sebagai pemegang amanah. Ketika itu orang ramai hanya mempunyai dua pilihan sama ada meninggalkan terus akad tempahan (*al-istisna'*) atau perkara itu terus dibiarkan. Pilihan pertama akan menafikan keperluan (*hajah*) manusia sementara pilihan kedua akan menyebabkan kerosakan kepada harta manusia. Atas dasar ini para sahabat menetapkan tukang hendaklah dipertanggung jawabkan atas kerosakan barang tempahan (al-Shatibiyy 1988: 356-357).

Berdasarkan perbincangan ini kita dapat simpulkan bahawa sebenarnya *al-masalih al-mursalah* bukanlah seratus peratus dalil yang bersandarkan kepada akal manusia sebaliknya ia dibina atas *dalil kulliy* yang munasabah dan bersesuaian dengan kehendak Syarak. Justeru tidak hairanlah jika Imam Malik atau mazhab Maliki secara umumnya menjadikan *al-masalih al-mursalah* sebagai sumber hukum.

KEKELIRUAN TENTANG PENDIRIAN IMAM MALIK DALAM PENGGUNAAN *AL-MASLAHAH AL-MURSALAH*

Sebahagian penulis kelihatan keliru apabila membincangkan tentang pendirian Imam Malik dalam penggunaan *al-Masalih al-Mursalah* dalam beberapa masalah. Ada dalam kalangan mereka menyatakan Imam Malik mendahulukan *al-Masalih al-Mursalah* yang berlaku *ta'arud* dengan nas. Apabila dilakukan kajian secara terperinci dalam masalah-masalah tersebut, didapati ia berlaku kerana kekeliruan yang berpunca daripada tiga perkara berikut:

Pertama: Nukilan yang dilakukan tidak benar dan tidak teliti,

Kedua: atau ia adalah maslahah yang bersandarkan kepada asas yang disepakati dan diambil daripada nas atau *qiyas*,

Ketiga: atau ia adalah *al-Masalih al-Mursalah* yang tidak bercanggah dengan nas maupun *qiyyas* (al-Butiyy 1982: 337 & Muhammad Sa'id Shahatah 1999: 264).

CONTOH KEPADA ANDAIAN PERTAMA

Sebahagian ulama menyatakan Imam Malik berfatwa supaya dipukul orang yang tertuduh mencuri atau membunuh kerana *maslahah* iaitu agar dia mengaku bersalah (*iqrar*) walaupun ia bercanggah dengan nas (al-Bunnaniyy 1415H: 2/327-328).

Sebenarnya kenyataan ini bercanggah dengan nukilan daripada Imam Malik sendiri di dalam *al-Mudawwanah* (Malik ibn Anas t.th, 4: 426):

قلت أرأيت إن أقر بشيء من الحدود بعد التهديد أو القيد أو الوعيد أو السجن أو الضرب، أيقام عليه الحد؟ . قال: قال مالك من أقر بعد التهديد أقيل قلت فإن ضرب وهدد فأقر فخرج القتيل أو أخرج المtau الذي سرق أيقيم عليه الحد فيما قد أقر به أم لا وقد أخرج ذلك؟ قال لا أقيم عليه الحد إلا أن يقر بذلك آمنا لا يخاف شيئا

Aku (Sahnun) berkata: jika seseorang itu membuat pengakuan terhadap sesuatu yang melibatkan hukuman hudud selepas diugut, diikat, diancam, dipenjarakan atau dipukul, adakah dilaksanakan hukuman hudud ke atasnya? Beliau (Ibn al-Qasim) berkata: Malik berkata: sesiapa yang membuat pengakuan selepas diugut, dia dilepaskan.... Aku (Sahnun) berkata: jika dia dipukul dan diugut lalu dia membuat pengakuan serta mengeluarkan mangsa yang dibunuh atau mengeluarkan barang yang dicuri, adakah dilaksanakan ke atasnya hukuman hudud berdasarkan pengakuannya atau tidak sedangkan dia mengelaurkannya? Dia (Malik) berkata: tidak dilaksanakan hudud ke atasnya kecuali jika dia membuat pengakuan terhadap perkara tersebut secara aman dan tidak takut kepada sesuatu.

Dari nukilan di atas jelas, bahawa Imam Malik tidak berpendapat begitu, sebaliknya ia adalah pendapat peribadi Sahnun (^Ulaysh

1404H: 9/329-330)⁴. Ini berlaku kerana semasa meriwayatkan al-Mudawwanah daripada ‘Abd al-Rahman ibn al-Qasim beliau juga memasukkan ijihad-ijihad beliau dan para ashab al-Malikiyyah yang berbeza dengan pandangan Imam Malik. Justeru kenyataan yang mengaitkannya dengan Imam Malik sebenarnya tidak berasas dan nukilan yang tidak teliti.

CONTOH KEPADA ANDAIAN KEDUA

Sebahagian penulis menyatakan Imam Malik telah mengkhususkan atau mendahuluikan *maslahah* ke atas nas dalam ijihadnya mengharuskan memakan unta dan lembu dalam peperangan sebelum dibahagikan *ghanimah* ketika ada keperluan.

Sebenarnya ijihad Imam Malik dalam masalah ini adalah berdasarkan *qiyyas* bukan *al-maslahah al-mursalah*. Sebagaimana yang diketahui *qiyyas* boleh mentakhsiskan al-Sunnah. *Qiyyas* yang dimaksudkan terdapat dalam kitab al-Muwatta’ iaitu *qiyyas* yang dilakukan terhadap sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar r.c.a (al-Zarqaniyy 1961: 3/299) katanya:

كنا نصيب في مغازينا العسل والعنب فنأكله ولا نرفعه

Kami memperoleh madu lebah dan anggur di dalam peperangan kami, lalu kami memakannya dan tidak menyerahkannya (kepada pengurus ghanimah).

Berdasarkan hadith ini Imam Malik mengqiyaskan memakan unta dan lembu berdasarkan ‘illah iaitu makanan dengan syarat ada keperluan yang mendesak. Pastinya ini bukannya *al-masalah al-mursalah* sebagaimana yang didakwa oleh mereka.

Selain itu ada juga yang berpandangan ijihad Imam Malik ini bertentangan dengan hadith *ikfa’ al-qudur* yang masyhur itu. Sedangkan hadith *ikfa’ al-qudur*⁵ tersebut ialah khusus untuk kes

⁴ Pandangan Sahnun tersebut pun hanya khusus kepada kes tertuduh yang iqrar hasil daripada tahanan (habs) oleh pemerintah (atau hakim) yang adil. Ijihad Sahnun ini sebenarnya bersandar kepada nas dalam kisah kehilangan beg Huyay ibn Akhtab yang berisi emas dan perak. Komentar selanjutnya sila lihat al-Butiyy 1982: 339.

⁵ Dinyatakan dalam hadith ini bahawa dalam peperangan Khaybar para sahabat menyalaikan api. Rasulullah s.a.w. bersabda: Apakah tujuan kamu menghidupkan api ini? Mereka menjawab: untuk memasak keldai kampung. Baginda bersabda: curahkan apa yang ada di dalam periuk dan pecahkan periuk tersebut. Seorang lelaki bangun

memakan *ghanimah* sebelum pembahagian setelah orang Islam keluar daripada *dar al-harb* sementara ijтиhad Imam Malik tersebut ialah khusus untuk kes yang berlaku semasa di dalam *dar al-harb*. Justeru tiada sebarang percanggahan di sini. Apatah lagi Imam Malik sendiri telah berpendapat dituang susu *maghshush* (dicampur dengan air) sebagai hukuman terhadap penjualnya (*al-Asqallaniyy* t.th: 6/232).

CONTOH KEPADA ANDAIAN KETIGA

Contoh kepada andaian ketiga ialah pendapat Imam Malik tentang orang-orang *Zindiq* iaitu golongan yang menzahirkan Islam sedangkan mereka sebenarnya kufur. Imam Malik menghukum mereka wajib dibunuh walaupun mereka menuturkan kalimah syahadah. Kata-kata beliau ini adalah termasuk dalam *al-Masalih al-Mursalah*. Sebahagian penulis menganggap pendapat Imam Malik ini bercanggah dengan hadith Rasulullah s.a.w. berikut:

عن ابن عمر: أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَمْرَتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهِدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوْا ذَلِكَ عَصَمُوهُمْ مِنِّي دَمَاءُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ.

Daripada Ibn Umar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Aku diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat serta menunaikan zakat. Seandianya mereka melakukannya darah dan harta mereka terpelihara daripadaku melainkan dengan kebenaran Islam dan perhitungan mereka terserah kepada Allah.

(*al-Asqallaniyy* 2000: 1/102)

Namun anggapan penulis tersebut tidak tepat kerana ijтиhad Imam Malik yang bersandarkan *al-masalih al-mursalah* dalam masalah ini hanyalah sebagai tafsiran kepada nas (*Muhammad Sa'id Shahatah* 1999: 269) bukan *takhsis* atau *ta'arud* kepada nas. Ini dilakukan kerana

dan bertanya: kita curahkan apa yang ada di dalam periuk dan basuh periuk tersebut? Nabi s.a.w. bersabda: ataupun begitu. Hadith ini disebut di dalam *al-Bukhariyy* (1987M/1407H: 5/2094).

golongan Zindiq hanya wujud selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Golongan Zindiq amat merbahaya dan boleh mempengaruhi umat Islam dan mereka sanggup menuturkan kalimah Syahadah sebagai strategi untuk merosakkan umat Islam dari dalam.

Berdasarkan kedudukan mereka yang sebegini para ulama berpendapat keislaman mereka tidak diterima melainkan ia dapat dipastikan lahir daripada hati nurani yang benar-benar ikhlas. Bahkan pandangan ini bukan hanya semata-mata pandangan Imam Malik, sebaliknya terdapat beberapa ulama lain yang mempunyai pandangan yang sama seperti Abu Yusuf, al-Nawawiyy dan al-Ghazaliyy (al-Butiyy 1982: 348). Ini jelas menunjukkan bahawa pandangan Imam Malik dalam masalah ini adalah berdasarkan *al-maslahah al-mursalah* yang tidak bercanggah dengan mana-mana nas.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang lalu jelaslah kepada kita bahawa penerimaan *al-Masalih al-Mursalah* oleh Imam Malik tidak bertentangan dengan manhaj utamanya iaitu manhaj al-hadith. Keluhuran dan kesucian *al-nass* tidak sedikit pun tergugat dengan konsep *al-Masalih al-Mursalah* yang dipopularkannya. Kekeliruan yang timbul mungkin disebabkan Imam Malik tidak meninggalkan kepada kita sebuah kitab usul al-fiqh sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Shafi'iyy. Sebaliknya usul al-fiqh Imam Malik didokumenkan oleh para pendukung mazhab Maliki dengan melakukan *istiqra'* terhadap ijtihad-ijtihadnya yang banyak terdapat dalam kitab *al-Muwatta'* dan juga kitab *al-Mudawwanah*. Apatah lagi pandangan-pandangan beliau di dalam *al-Mudawwanah* kelihatan telah bercampur baur dengan pandangan para pendukung mazhabnya.

Perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada para pengkaji usul Imam Malik dan ijtihadnya. Ramai pengkaji yang membuat pernyataan yang salah tentang konsep *al-maslahah* atau secara khususnya *al-masalih al-mursalah* yang dikemukakan oleh Imam Malik. Bahkan ada yang menganggap beliau membela kangkan nas apabila bercanggah dengan *maslahah*. Perbincangan yang lalu diharap sedikit sebanyak dapat mengikis dan menjawab anggapan salah tersebut. Semoga usaha yang sedikit ini digolong oleh Allah s.w.t. dalam amal kebaikan. *Wallah A'lam*.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad. 1964. *Malik, Hayatuh Wa Ḩasruh Ara’uh Wa Fiqhuh*. T.Tp: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.
- al-Butiyy, Muhammad Sa‘id Ramdan. 1982. *Dawabit al-Maslalahah Fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah.
- Al-Juwayniyy, Imam al-Haramyn Abu al-Ma‘ali, ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allah. 1399H. *al-Burhan fi usul al-fiqh*. Tahqiq: ‘Abd al-‘Azim al-Dib. Qatar: T.pt.
- Ibn al-‘Arabiyy, Abu Bakr Muhammd ibn ‘Abd Allah al-Ma‘afiriyy. 1992. *Kitab al-qabs fi sharh muwatta’ Malik ibn Anas*. Tahqiq: Muhammad ‘Abd Allah Walad Karim. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- Muhammad Sa‘id Shahatah. 1999. *al-Adillah al-‘Aqliyyah Wa ‘Alaqtuha Bi al-Naqliyyah ‘Inda al-Usuliyyin*. Al-Khurtum: al-Dar al-Sudaniyyah Li al-Kutub.
- al-Shatibiyy, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa. 1988. *al-I‘tisam*. Tahqiq Ahmad ‘Abd al-Shafi. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bunnaniyy, ‘Abd al-Rahman ibn Jad Allah. 1415H. *Hashiyat al-Bunnaniyy ‘Alah Sharh al-Mahaliyy ‘Ala Matn Jam‘ al-Jawami‘*. Beirut: Darul al-Fikr.
- Al-‘Ajluniyy, Isma‘il ibn Muhammad. 1988. *Kashf al-Khafa’ Wa Muzil al-Ilbas*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah.
- Al-‘Asqallaniyy, Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar. 2000. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qarafiyy, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 1995M/1416H. *Nafa’is al-usul fi sharh al-Mahsul*. Tahqiq ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud & ‘Ali Muhammad Mu‘awwad. Riyad: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Al-Zarkashiyy, Badr al-Din Muhammad ibn Bahadur. 1413H. *al-Bahr al-muhit fi usul al-fiqh*. Tahqiq: ‘Abd al-Qadir ‘Abd Allah al-‘Ani. Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah.

Al-Zarqaniyy, Muhammad ibn ḨAbd al-Baqi. 1961. *Sharh Muwatta’ Imam Malik*. Tahqiq Ibrahim ḨAwad. Kaherah: Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.

ḨUlaysh, Muhammad ibn Ahmad. 1404H. *Sharh Minah al-Jalil ḨAla Mukhtasar al-ḤAllamah Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.

ḨAbd al-Majid Mahmud ḨAbd al-Majid. 1979M/1399H. *al-Ittijahat al-fiqhiyyah ḢInd ashab ahl al-hadith fi al-qarn al-thalith al-hijriyy*. Kaherah: Maktabah al-Khanjiyy